

31/10/1997

Penerbangan ke Slovenia diperluas

LJUBLJANA, Khamis - Penerbangan Malaysia (MAS) bercadang memperluaskan perkhidmatannya ke Slovenia bagi meningkatkan kerjasama perdagangan dan ekonomi antara Malaysia dengan negara Balkan ini.

Pengerusi Eksekutifnya, Tan Sri Tajudin Ramli, berkata MAS akan menghantar satu pasukan ke sini bulan depan untuk berbincang dengan pegawai kerajaan, syarikat penerbangan Slovenia Adria Airways, pengusaha hotel dan pelancongan untuk menggariskan butiran memulakan penerbangan ke sini.

"Kami sedang mengkaji kemungkinan melanjutkan perkhidmatan terus kami sekarang ke Ljubljana sama ada dari Vienna (Austria) atau Zagreb (Croatia)," katanya.

Tajudin berkata pengenalan penerbangan MAS ke sini juga selaras dengan perjanjian Perkhidmatan Udara yang ditandatangani di sini antara Malaysia dan Slovenia ketika lawatan rasmi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang baru berakhir.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik mendatangi perjanjian itu bagi pihak Malaysia sementara Slovene Anton Berganer mewakili negaranya.

Dr Ling berkata, kerajaan tidak memberikan sebarang tempoh kepada MAS untuk memperluaskan perkhidmatannya ke sini.

MAS perlu mengadakan kajian kesesuaian sebelum ia boleh terbang ke sini. Buat permulaan syarikat penerbangan itu boleh menjual tiket-tiket di sini dan mengadakan perjanjian perkongsian dengan Adria Airways yang akan menerbangkan penumpang MAS ke lapangan terbang terdekat seperti Vienna, Zagreb atau Zurich.

Tajudin berkata, beliau telah mengadakan rundingan awal dengan pegawai Adria Airways serta pihak berkuasa lapangan terbang dan berpuas hati bahawa syarikat itu dan lapangan terbang Ljubljana di Brnik mempunyai kapasiti dan keupayaan untuk mengendalikan penerbangan MAS termasuk perkhidmatan sewa khas.

Beliau juga mengambil berat mengenai beberapa perkhidmatan sokongan seperti penginapan hotel dan perkhidmatan pelancongan.

Ketika ini, hanya kira-kira 2,000 bilik hotel ada di Ljubljana iaitu satu pertiga daripada jumlah bilik yang ada di Langkawi. Ini tentunya tidak mencukupi.

(END)